

# Tiga pihak penentu kejayaan pendidikan

BH - 22/2/2007

**K**UALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak berkata, kejayaan memajukan bidang pendidikan hanya akan menjadi kenyataan jika disokong dan didukung tiga penjurong masyarakat iaitu kerajaan, guru dan ibu bapa.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kerajaan pimpinan Umno dan Barisan Nasional (BN) yang menunjangi dasar dan sistem pendidikan negara sudah berjaya melakukan kejayaan dan perubahan besar bidang itu sejak kemerdekaan negara 50 tahun lalu.

Katanya, negara juga mempunyai guru selaku pihak kedua yang komited kepada kejayaan pelajar.

"Kita memerlukan masyarakat dan ibu bapa yang juga ko-

mitted untuk melihat anak mereka berjaya dalam bidang pendidikan, termasuk masyarakat yang prihatin menyumbang kepada pengisian dana dan tabung pendidikan.

"Inilah tiga penjurong yang saya sifatkan sebagai rantaian amat penting.

"Jika kita dapat menentukan ketiga-tiga penjurong ini bergerak secara bersepadu, saya yakin perjalanan kita 50 tahun yang akan datang, malah lebih daripada itu iaitu impian kita, insya-Allah tidak akan tinggal sebagai impian saja," katanya.

Beliau berkata demikian pada Pelancaran Tabung Pendidikan Umno Lembah Pantai di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini, malam tadi.

Najib turut menyampaikan sumbangan pendidikan tabung berkenaan kepada 12 murid miskin, RM1,000 kepada Rumah Anak Yatim Asdaf serta cek RM20,000 daripada World Aerospace Sdn Bhd kepada tabung itu.

Najib yang juga Timbalan Presiden Umno berkata, masyarakat perlu bijak merancang memajukan pendidikan kerana ia adalah pelengkap usaha kerajaan memajukan bidang berkenaan yang penuh cabaran kerana sifatnya yang tidak kaku.

## FAKTA NOMBOR

Tabung pendidikan Umno

12

Murid miskin dapat bantuan

RM1,000

Bantuan kepada Rumah Anak Yatim Asdaf